

Pulau Rebak Besar ialah sebuah pulau baki yang terletak di barat laut Langkawi, berhadapan dengan Pantai Chenang. Di sini terdapat dua jenis batuan yang berbeza iaitu batuan sedimen dan batuan metamorf. Batuan sedimen terdiri daripada syal dan batu lumpur berwarna merah, sementara batuan metamorf iaitu butiran batu pasir bertukar menjadi kuartzit. Lapisan berwarna merah dikaitkan dengan kandungan mineral besi oksida iaitu hematit. Lapisan merah ini mewakili bahagian paling bawah Formasi Singa yang berusia Awal Karbon (sekitar 350 juta tahun). Sedimen asal lapisan ini telah terkumpul di dalam sekitaran laut dalam ketika itu dan bersama-samanya terdapat haiwan marin Bivalvia seperti *Posidonia malayensis*, *Posidonia elongata*, *Posidonia dilatata*, *Posidonia intermedia* dan *Posidonia conspicua*.



Dari aspek evolusi bumi Langkawi, lapisan ini sangat penting sebagai penanda permulaan laut kuno menjadi lebih dalam dan proses pemendapan sedimen Formasi Singa. Tapak ini menjadi bukti penting sempadan usia geologi antara Devon dan Karbon dan perlu dipelihara sebagai warisan kebangsaan. Singkapan yang jelas terbentuk sepanjang pantai berbatu, sesuai bagi pendidikan awam dan rekreasi pantai. Kini, pulau ini telah dibangunkan sebagai tempat peranginan dan marina.

Pulau Rebak Besar is a remaining island located northwest of Langkawi, facing Pantai Cenang. Here, there are two types of rocks, namely, sedimentary and metamorphic rocks. Sedimentary rocks consist of shale and red mudrocks, while metamorphic rocks, which is sandstone grains, turn into quartzite. The red layer is associated with the iron oxide mineral content of hematite. This red layer represents the lowest part of the Early Carboniferous Singa Formation (approximately 350 million years). The original sediments of this layer accumulated in the deep-sea environment at that time, together with marine bivalves, such as *Posidonia malayensis*, *Posidonia elongata*, *Posidonia dilatata*, *Posidonia intermedia* and *Posidonia conspicua*.

From the evolutionary aspect of Langkawi earth, this layer is significant as a marker of the beginning of the ancient sea becoming deeper and the sediment deposition process of the Singa Formation. The site is essential evidence of the geological age boundary between Devonian and Carboniferous and should be preserved as a national heritage. Clear outcrops that were formed along the rocky shores are suitable for public education and beach recreation. Today, part of the island is developed as a resort and a marina.



▲ Tebing merah dari laut
Red cliff from sea



▲ Tebing Merah
Red cliff

▼ Pulau Rebak pemandangan dari udara
Pulau Rebak from aerial view



▲ Batu dan tebing merah
Red stone and cliff



◀ Marina Resort

